



MDBG

JABATAN PELESENAN,
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH,
JALAN HAJI ABDUL WAHAB,
31000 BATU GAJAH.

SYARAT – SYARAT PENJAJA STATIK BAZAAR RAMADHAN

Syarat-Syarat/JP-MDBG/BR

No. Telefon 05-3632020-3632030

No. Fax 05-3665930

E-mail pelesenan@mdbg.gov.my

1. Waktu perniagaan hendaklah bermula pada atau selepas jam 2.00 petang.
2. Hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri, pakaian, gerai dan segala peralatan yang digunakan.
3. Segala sampah sarap berpunca daripada perniagaan mesti dipungut dan dimasukkan ke dalam karung plastik yang diikat dengan kukuh dan hendaklah dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan.
4. Tidak membuang sisa jualan/sampah ke dalam longkang dan sungai berhampiran.
5. Hendaklah sentiasa memakai apron dan tutup kepala semasa menjalankan perniagaan.
6. Mempamerkan Lesen Perniagaan yang sah yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Batu Gajah semasa menjalankan perniagaan.
7. Mempamerkan tanda harga bagi setiap barangan jualan.
8. Meja atau apa-apa jua peralatan yang digunakan jika ditinggalkan di tapak perniagaan hendaklah disusun dengan kemas dan teratur. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan peralatan perniagaan yang ditinggalkan (untuk yang berkhemah sahaja).
9. Perniagaan yang menggunakan bahan bakar seperti arang hendaklah menyediakan tong bagi menyimpan sisa arang sebelum dilupuskan pada keesokan harinya (arang atau bahan bakar yang masih panas tidak dibenarkan untuk terus dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak Majlis).
10. Tidak boleh menjalankan perniagaan dengan cara yang boleh menghalang/mengganggu lalulintas dan jiran bersebelahan serta pergerakan bebas orang ramai atau menyebabkan kerosakan harta benda awam/persendirian.
11. Dilarang meletakkan kenderaan di dalam petak perniagaan kecuali kenderaan khas yang dibenarkan oleh pihak Majlis.
12. Lesen akan ditarik balik dan dibatalkan sekiranya tidak menjalankan perniagaan tiga (3) kali berturut hari tanpa kebenaran atau menyalahi Undang-Undang dan mana-mana syarat yang dikenakan.
13. Sentiasa menggunakan penyepit sudu, senduk atau penyeduk yang bersih semasa mengendali makanan.
14. Sentiasa memastikan makanan yang dijual dalam keadaan bersih dan selamat untuk dimakan.
15. Pengusaha dan pembantu mesti mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh **Yang Dipertua MDBG** dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh beliau dari masa ke semasa sama ada bertulis atau lisan.
16. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di atas boleh menyebabkan lesen anda ditarik balik atau dibatalkan.

**ARAHAN :-
YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.**